

19 JUN 2001

Umno-Disiplin

JANGAN HERET UMNO KE MAHKAMAH, KATA MUHYIDDIN

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Pemimpin Umno yang dikenakan hukuman oleh Lembaga Disiplin kerana terbabit dengan politik wang semasa pemilihan bahagian baru-baru ini tidak sepatutnya mengheret Umno ke mahkamah, kata Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Katanya pemimpin terbabit wajar akur dan menghormati keputusan Lembaga Disiplin yang memutuskan bentuk hukuman berdasarkan tahap kesalahan yang dilakukan.

"Pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga Disiplin sepatutnya membawa kepada Majlis Tertinggi sebagai saluran parti dan bukannya mahkamah," katanya kepada pemberita selepas menghadiri taklimat tertutup Presiden Umno sempena Perhimpunan Agung parti bermula Khamis ini.

Muhyiddin diminta mengulas hasrat Ketua Bahagian Umno Setiu Datuk Tengku Mahmud Mansor yang tidak berpuashati dengan keputusan Lembaga Disiplin yang mengenakan amaran kepadanya setelah didapati terbabit dengan politik wang serta tidak menolak kemungkinan akan mengheret Umno ke mahkamah.

Muhyiddin yang mengemukakan usul menubuhkan Lembaga Disiplin Umno pada Perhimpunan Agung Khas tahun lepas berkata anggota parti perlu memberi kepercayaan penuh kepada lembaga berkenaan kerana setiap hukuman bukannya dibuat secara "seronok-seronok."

Katanya langkah mengheret parti ke mahkamah tidak seharusnya dilakukan dalam usaha Umno membersihkan parti daripada politik wang.

Seorang lagi Naib Presiden, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata anggota Umno yang tidak berpuashati mengenai keputusan Lembaga Disiplin, tidak boleh merujuk kes mereka ke mahkamah.

Anggota yang tidak berpuashati itu perlu merujuk kes mereka ke peringkat dalaman dan bukan melalui saluran luaran, katanya ketika ditanya mengenai hasrat Datuk Tengku Mahmud Mansor itu.

"Tak boleh bawa ke mahkamah. Sebarang ketidakpuasan hati hendaklah mereka (anggota Umno) merujuk pada parti secara dalaman dan bukan secara terbuka," katanya.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata Dr Mahathir dalam taklimatnya mahu keputusan Lembaga Disiplin itu diterima oleh anggota kerana ia merupakan proses pembersihan parti.

Seorang lagi Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Mohd Taib berkata taklimat Dr Mahathir itu menjurus kepada amalan untuk memperkukuhkan parti walaupun sesetengah tindakan itu kelihatan terlalu tegas atau zalim.

"Apa juga tindakan pucuk pimpinan adalah untuk mengukuhkan parti walaupun ternampak sesetengah tindakan itu keras, zalim atau tidak tepat," katanya.

Beliau berkata presiden parti dalam taklimatnya mahu melihat Umno selamat dan memastikan ia terus kekal, dihormati dan terus disokong oleh orang Melayu.

Ditanya apakah yang dimaksudkan oleh Dr Mahathir sebagai selamat, Muhammad berkata ia adalah kerana selepas Lembaga Disiplin Umno membuat keputusan mengenai mereka yang terbabit dalam politik wang, parti itu telah diselubungi oleh pelbagai tohmahan.

Katanya tindakan Lembaga Disiplin itu perlu diterima oleh anggota parti sebagai bertujuan untuk membersihkan Umno daripada politik wang.

-- BERNAMA

RZS MHI LAT

